



## **KENYATAAN MEDIA PENIPUAN MESEJ TULAR TUNTUTAN RM8,500 MENGUNAKAN LOGO KWPSM**

Kuala Lumpur, 16 Ogos 2019 – Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) memandang serius berhubung mesej tular dipercayai cubaan pihak tidak bertanggungjawab untuk mencuri maklumat peribadi orang ramai dengan menggunakan domain Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan logo KWPSM sejak kelmarin.

Pesanan yang tular menerusi aplikasi Whatsapp serta email tersebut mendakwa orang ramai yang telah bekerja antara tahun 1990 sehingga 2019 boleh menuntut wang tunai sebanyak RM8,500 daripada kerajaan dengan hanya mengisi borang menerusi pautan yang disertakan.

Justeru, KWPSM telah membuat satu laporan kepada CyberSecurity Malaysia agar pesanan itu dapat disekat daripada terus tersebar sekali gus mengelakkan lebih ramai pihak terpedaya dengan penipuan tersebut.

Di samping itu, KWPSM menyeru orang ramai yang telah mengisi butiran peribadi mereka menerusi pesanan tersebut agar membuat laporan polis supaya siasatan dapat dijalankan seterusnya tindakan dapat diambil terhadap dalang perbuatan tidak bertanggungjawab berkenaan.

**-TAMAT-**

### **Untuk Pertanyaan Media :**

**Seri Azriana (Pn.)**  
Komunikasi Korporat  
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber  
Manusia (KWPSM)  
[sazriana@hrdf.com.my](mailto:sazriana@hrdf.com.my)

**Siti Na'imah (Cik.)**  
Komunikasi Korporat  
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber  
Manusia (KWPSM)  
[sitinaimah@hrdf.com.my](mailto:sitinaimah@hrdf.com.my)